**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 24**
**RUANGAN : NASIONAL**

SINAR HARIAN M/S 24 NASIONAL 1/2/2025 (SABTU)

# Batal WBB bukan keputusan *flip flop*



**KERAJAAN** tidak bersikap *flip flop* atau bertukar-tukar pendirian dalam isu pelaksanaan Waktu Bekerja Berlainan (WBB) melibatkan petugas kesihatan di negara ini.

Sebaliknya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menegaskan, sistem yang masih dalam projek rintis itu didedahkan terlebih dahulu tanpa mendapat kelulusan daripada beliau.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

UTUSAN MALAYSIA M/S 1
M/DEPAN 1/2/2025 (SABTU)

# Pengambilan pegawai perubatan menurun punca doktor kurang

**Oleh AIMAN ALI**
aiman.ali@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kesesakan hospital kerajaan disebabkan kekurangan pengambilan doktor atau jururawat dalam sektor kesihatan.

Laporan Tahunan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) pada 2022 dan 2023 menunjukkan penurunan dalam jumlah pendaftaran sementara untuk beberapa tahun kebelakangan ini.

Pada 2017, jumlah pendaftaran adalah 6,147 pelajar, namun ia menurun kepada 3,867 pelajar pada 2021, 3,857 pelajar (2022), dan terus berkurang kepada 3,247 pelajar (2023).

**Bersambung di muka 2**

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

UTUSAN MALAYSIA M/S 2 DINEGERI 1/2/2025 (SABTU)

# Pengambilan pegawai perubatan menurun punca doktor kurang

**Dari muka 1**

Jumlah pendaftaran daripada institusi dalam negara juga mencatatkan penurunan iaitu 3,336 pelajar pada 2020, 3,054 pelajar (2021), 3,167 pelajar (2022) dan 2,759 pelajar (2023).

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Pakar Kesihatan Awam Malaysia, Prof. Dr. Jamalludin Ab. Rahman berkata, penurunan itu lebih ketara dalam kalangan graduan luar negara, di mana jumlah pendaftaran dari luar negara menurun daripada 1,882 graduan pada 2020 kepada 813 graduan (2021), 690 graduan (2022) dan seterusnya 488 (2023).

Katanya, terdapat beberapa faktor berlakunya penurunan minat pelajar terhadap bidang perubatan, antaranya adalah persepsi negatif terhadap kerjaya doktor.




"Pertama, ketidakpastian dalam sistem lantikan tetap dan penyerapan doktor kontrak, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan graduan dan ibu bapa.

"Selain itu, laporan kes buli dalam Sistem Kesihatan juga menjadi faktor yang mana isu ini mendapat liputan meluas sekaligus menjejaskan persepsi terhadap suasana kerja dalam bidang perubatan," katanya.

Isu berkaitan elaun dan beban kerja juga memberi impak yang antara lain membabitkan perubahan dalam skim elaun seperti isu Waktu Bekerja Berpatutan (WBB), yang turut mempengaruhi daya tarikan kerjaya ini.

Dr. Jamalludin berkata, walaupun isu berkenaan mungkin tidak sepenuhnya mencerminkan keadaan sebenar, namun persepsi yang terbentuk, boleh menjejaskan minat golongan muda untuk menceburi bidang perubatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan hospital kerajaan semakin sesak apabila pesakit kian bertambah, manakala doktor dan jururawat berkurangan dan situasi berkenaan menyebabkan ramai pesakit terpaksa menunggu lama sehingga 15 jam bagi mendapatkan rawatan.

Mengulas lanjut Dr. Jamalludin berkata, penghijrahan graduan perubatan ke luar negara, terutamanya ke Singapura, juga menjadi cabaran apabila negara berkenaan menawarkan pakej gaji lebih menarik dengan persekitaran kerja lebih kondusif, menyebabkan ramai doktor Malaysia memilih untuk berkhidmat di sana.

"Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan kehilangan tenaga kerja berkemahiran tinggi, tetapi turut menjejaskan usaha negara dalam memastikan sistem kesihatan mampan dan berdaya saing," katanya.

Beliau menegaskan isu tenaga kerja kesihatan tidak boleh dilihat hanya daripada perspektif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semata-mata, sebaliknya, memerlukan pendekatan menyeluruh daripada kementerian berkaitan seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (Kesuma).

"Perancangan tenaga kerja kesihatan perlu mengambil kira keperluan jangka panjang negara termasuk meneliti strategi untuk memastikan Malaysia terus mempunyai jumlah doktor yang mencukupi bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat," katanya.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : NATION**

THE STAR M/S 9 NATION 1/2/2025 (SABTU)

# Nurses push for safer, reduced work hours

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Government nurses are advocating for a reduction in the weekly work hours from 45 to a maximum of 42 hours.

Malayan Nurses Union president Saaidah Athman said the union wants the government, including the Health Ministry and Public Service Department, to cap the working hours for shift healthcare workers at 42 hours a week.

This, she said, is to ensure patients and healthcare workers' safety, as the risk rate of mistakes happening due to carelessness is at 50% if a nurse works for over 40 hours and 34% if one works non-stop for more than eight hours.

"The shortage of nurses by 8,000 affects services and burdens existing nurses as they have to take on double duties and their night shift rotations come sooner, therefore affecting the nurse's quality of life," she said.

"The study by Heather Katherine Scott-Marshall shows that healthcare workers who work more than 40 hours a week would be subjected to occupational stress and occupational fatigue," she added.

Work-life balance and psycho-social safety elements are other aspects that would be affected if the working hours increase.

The Delegation of Nurses (DON) said the increased hours will lead to a heavier workload.

"We state our strong opposition to the proposal for the 45-hour-a-week shift system, which is expected to have major negative implications," it said in a statement on Thursday.

It said nurses were in favour of healthcare reforms to improve the quality of services, but any changes must be based on good governance and consultation with all stakeholders.

DON said implementing this change would lead to more overtime claims and increase operating costs for the government.

Furthermore, nurses could face burnout, resulting in poor quality of service and workplace disruptions, it added.

"We are of the view that increasing the workload for nurses without a salary hike that commensurates with the workload would drive more nurses to migrate overseas or to the private sector," it said.

This would have a negative impact on the Malaysia Nursing Board's efforts to maximise the hiring of nurses, although the requirement has been lowered from five SPM credits to three.

It also noted that it would be regressive for Malaysia to implement a 45-hour work week when countries such as the United Kingdom (38.5 hours a week), Singapore (between 38 and 42 hours), and Indonesia (40 hours) have fewer working hours.

The Health Ministry's nursing and human resources division held a town hall session with nurses regarding the 45-hour work week on Jan 20 to explain that the move was to streamline their working hours with the Public Service Remuneration System (SSPA).